

Kekal legasi Felda: TPM

BM: 8/7/2007

Idea bernas mampu bantu organisasi lebih dinamik, cemerlang

Oleh Mohd Hamizar Hamid

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meminta pemimpin dan kakitangan Felda terus mencari idea bernas bagi menjadikan organisasi itu lebih dinamik serta mencapai kegemilangan.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi memastikan Felda terus mengekalkan legasinya sebagai sebuah organisasi yang mampu memberi impak besar kepada kemajuan negara.

"Semua 23,000 kakitangan Felda bermula daripada pucuk pimpinan perlu memberikan kerjasama sepenuhnya bagi mencapai sasaran itu sekali gus melakar sejarah lebih hebat dalam tempoh 50 tahun akan datang," katanya ketika berucap pada

majlis Malam Semai Bakti di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, malam tadi.

Hadir sama, Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Malam Semai Bakti itu diadakan sempena Sambutan Jubli Emas Hari Peneroka 2007 yang dirasmikan Najib kelmarin dan berakhir hari ini.

Najib berkata, legasi kejayaan Felda perlu diteruskan bagi menjadikannya pengeluar minyak sawit dan pemilik ladang terbesar di dunia dan kerajaan akan mengumumkan langkah mengenainya tidak lama lagi.

"Kita mahu jadikan Felda sebagai yang paling berjaya dalam dunia. Sehubungan itu, marilah kita bina tamadun menerusi 317 rancangan Felda yang ada di seluruh negara.

“Kita mahu jadikan Felda sebagai yang paling berjaya dalam dunia. Sehubungan itu, marilah kita bina tamadun menerusi 317 rancangan Felda yang ada di seluruh negara”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

"Kita perlu semarakkan api Felda supaya lebih terang, jika dulu hutan rimba tetapi sekarang sudah menjadi ladang. Semangat itu hendaklah disemarakkan lagi dengan disulami pemikiran baru sehingga dapat mencapai kegemilangan ke peringkat antarabangsa," katanya.

Pada majlis sama, Timbalan Pengerah Urusan Kumpulan Felda Holdings Bhd, Ramli Putih menerima Pingat Darjah Utama iaitu pingat yang diperuntukkan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang disampaikan Najib.

Selain itu, enam orang turut dianugerahkan Pingat Semai Bakti darjah kedua; 11 penerima Pingat Semai Bakti darjah ketiga; 10 penerima Pingat Khidmat Bakti serta empat Anugerah Pengurus Terbaik seluruh negara.